


Minggu Suci


Renungan oleh
Pebbles and Stones



**Perjalanan bersama keluarga anda sepanjang
Minggu Suci**

Minggu Suci

Renungan oleh
Pebbles and Stones



**Perjalanan bersama keluarga anda sepanjang
Minggu Suci**

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada
ALKITAB VERSI BORNEO Hak cipta © 2015

'Dipetik daripada Alkitab © Borneo Sabda Limited'

© 2024 Kathleen Trock-Molhoek. Hak cipta terpelihara.

ISBN: 978-0-9914752-5-4

Renungan ini adalah berhak cipta dan semua hak adalah terpelihara oleh Kathleen Trock-Molhoek.

Bahan ini tidak boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau melalui apa jua cara tanpa kebenaran bertulis daripada Kathleen Trock-Molhoek.

PENGARANG

Kathleen Trock-Molhoek

Raina Stagg

REKA BENTUK dan SUSUN ATUR

Shebatt Quinones

Kathleen Trock-Molhoek

Raina Stagg

DITERJEMAHKAN kepada Bahasa Melayu oleh

Jonathan & Lan Siang Yeoh

Steffi Ann Tabari

Komuniti Digital

Diterbitkan oleh

Pebbles and Stones



Isi Kandungan

Pengenalan	9
Pengubahsuaian untuk Kumpulan Besar	11
 Ahad Palma : Berbeza Daripada Jangkaan	12
 Isnin : Yesus di Bait Suci	14
 Selasa : Yesus Mengajar Banyak Ibarat	16
 Rabu : Yesus Meramalkan Kematian-Nya	18
 Khamis : Yesus Dikhianati	20
 Jumaat Agung : Yesus Mati untuk Kita	22
 Sabtu : Yesus Dimakamkan	24
 Hari Paskah : Yesus Hidup	26

Pengenalan

Selamat datang ke minggu yang mengubah segala-galanya - Minggu Suci. Renungan ini, MINGGU SUCI, bermula dengan apa yang secara tradisinya dipanggil Ahad Palma dan berterusan melalui peristiwa-peristiwa yang membawa kepada kematian, pengebumian, dan kebangkitan Yesus. Dalam tempoh lapan hari akan datang, anda dan keluarga anda akan berpeluang untuk terlibat dalam peristiwa ini dengan mendengar bagaimana Tuhan berbicara kepada anda melalui naratif Alkitab dan berkongsi renungan tersebut antara satu sama lain.

Setiap renungan mempunyai empat bahagian utama:

- Soalan Pengenalan
- Cerita Alkitab
- Doa Kedengaran & Mencatat
- Berkongsi & Berdoa

Semasa anda mula menggunakan pelajaran ini dengan keluarga anda (atau kumpulan kecil, gereja, dll.), kami menggalakkan anda untuk mewujudkan persekitaran yang mesra dan, jika boleh, minta semua orang duduk dalam satu bulatan. Anda mungkin ingin memperkenalkan sebab anda berkumpul dan perkara yang akan anda lakukan bersama.

SOALAN PENGENALAN (5 min)



Mulakan setiap pelajaran dengan menanyakan Soalan Pengenalan, yang memberikan setiap orang, sebuah hubungan peribadi kepada Cerita Alkitab. Ia juga membantu semua orang mengenali antara satu sama lain.

Selepas anda bertanya soalan, pastikan setiap orang mempunyai peluang untuk menjawab. Jangan paksa jawapan daripada sesiapa. Anda mungkin ingin bermula dengan berkongsi jawapan anda sendiri terlebih dahulu. Setelah semua orang berkongsi, gunakan jawapan keluarga anda (atau kumpulan) untuk beralih ke Cerita Alkitab.

CERITA ALKITAB (5-10 min)



Kongsikan Cerita Alkitab; kami menggalakkan anda menggunakan Alkitab semasa anda bercerita. Kami telah menyertakan perkara dan peristiwa penting sebagai titik tumpuan dalam setiap renungan, tetapi kami menggalakkan anda membaca cerita itu terlebih dahulu supaya anda boleh menceritakannya dengan cara yang menarik.

Semasa anda bercerita, tidak perlu menambah banyak tafsiran atau aplikasi. Berikan ruang kepada Roh Kudus untuk mengajar, menginsafkan, dan menggalakkan setiap orang dengan cara yang khusus untuk mereka semasa mereka melaksanakan bahagian seterusnya dalam renungan: Doa Kedengaran dan Mencatat.

DOA KEDENGARAN & MENCATAT (5-10 min)



Pastikan setiap orang mempunyai kertas dan krayon (atau bahan lain) supaya mereka boleh menulis atau melukis apa yang Tuhan katakan kepada mereka. Anda boleh memilih untuk memainkan muzik instrumental di latar belakang; jika anda berbuat demikian, pastikan ia tidak mempunyai melodi atau lirik yang biasa – ini boleh menjadi gangguan.

Galakkan semua orang untuk menenangkan diri secara luaran dan dalaman. Kami mencadangkan anda memulakan masa ini dengan berdoa dan meminta Roh Kudus untuk berbicara kepada setiap orang melalui Kitab Suci yang telah dikongsikan. Sebagai contoh, anda mungkin berdoa seperti ini:

Bapa yang dikasihi,

Saya datang untuk bersekutu dengan-Mu. Ada banyak perkara yang saya ingin beritahukan kepada-Mu. Saya ingin mendengar apa yang Engkau akan katakan kepada saya. Semasa saya merenungkan cerita Alkitab hari ini, bantu saya untuk mendengar apa yang Engkau sedang katakan kepada saya melaluinya.

Sebagai permulaan, galakkan semua orang merenung mana-mana daripada soalan-soalan berikut:

Melalui Cerita Alkitab, apakah yang Tuhan beritahu anda...

- *Mengenai diri-Nya?*
- *Mengenai diri anda?*
- *Mengenai orang lain?*
- *Adakah terdapat apa-apa yang Dia minta anda lakukan?*

Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.



BERKONGSI & BERDOA (10 min)

Beri setiap orang peluang untuk berkongsi catatan mereka atau perbualan mereka dengan Tuhan. Selepas seorang berkongsi, kumpulan itu akan berdoa untuknya dengan pimpinan Roh Kudus. Minta kebenaran orang yang didoakan sama ada dia tidak keberatan jika ada ahli kumpulan meletakkan tangan di bahunya semasa berdoa untuknya.

Jika seseorang enggan berkongsi, jangan paksa mereka. Tanya jika anda atau orang lain boleh berdoa untuknya.

Jika ada yang tidak selesai berdoa dengan kuat, tidak mengapa. Sabar dan jangan paksa mereka. Jika mereka mahu, mereka masih boleh meletakkan tangan di bahu orang yang berkongsi, dan anda atau orang lain dalam kumpulan boleh berdoa.

Nota: adalah penting untuk mewujudkan persekitaran empati dan kepercayaan dalam kumpulan. Berikut ialah beberapa garis panduan yang kami cadangkan untuk berbincang dan komited dengan keluarga atau kumpulan anda:

- *Kami di sini untuk mendengar, bukan hanya dengan telinga, tetapi dengan hati.*
- *Kami akan jujur; kami akan mempercayai satu sama lain dengan pengalaman dan renungan sebagaimana adanya, tanpa berselindung.*
- *Kami di sini untuk menggalakkan satu sama lain. Kami tidak akan membalas dengan usikan atau gurauan.*
- *Kami tidak akan menghakimi, cepat memberi nasihat, atau mempunyai sikap "tahu-semuanya".*
- *Apa yang dikatakan di sini kekal di sini; kami tidak berkongsi dengan orang lain tanpa kebenaran.*

Nota: Jika seseorang berkongsi bahawa mereka mungkin tidak selamat atau berada dalam situasi bahaya, penderaan atau pengabaian, anda mesti mengikut garis panduan yang sesuai dan melaporkannya kepada pihak berkuasa tempatan. Ini termasuk: a) jika mereka berfikir untuk mencederakan diri sendiri; b) jika mereka berfikir untuk mencederakan orang lain; atau c) jika seseorang mencederakan mereka, orang tua, atau orang dewasa yang memerlukan penjagaan khas.

Pilihan: Jika anda mempunyai masa, anda boleh memilih untuk menamatkan setiap pelajaran dengan menyanyikan lagu pujian bersama-sama atau mengucapkan berkat ke atas keluarga anda.

Semasa anda bertemu, kami berdoa agar anda dan keluarga atau kumpulan kecil anda akan mengalami Efesus 1:17-21:

Aku berdoa semoga Allah kita Tuhan Yesus Kristus, iaitu Bapa kemuliaan, memberimu roh kebijaksanaan dan wahyu untuk mengenali-Nya. Semoga Allah menerangkan mata hatimu untuk mengetahui harapan daripada panggilan-Nya, limpah kemuliaan warisan-Nya dalam orang yang salih, dan betapa besar kuasa-Nya bagi kita yang beriman. Demikianlah pelaksanaan kuasa-Nya yang agung itu dalam Kristus apabila membangkitkan-Nya daripada kematian dan mendudukkan-Nya di sebelah kanan-Nya di syurga. Allah meletakkan Kristus jauh di atas segala penguasa dan kekuasaan, kuasa dan pemerintahan, dan setiap nama yang dinamakan, bukan sahaja pada zaman ini tetapi juga pada zaman akan datang.

Pengubahsuaian untuk Kumpulan Besar

Untuk menggunakan renungan ini dengan kumpulan besar (iaitu beberapa keluarga, gereja, dsb.), kami mengesyorkan agar kumpulan besar dibahagikan kepada kumpulan kecil seramai 12 orang atau kurang. Semasa anda bersedia untuk fasilitet perjumpaan kumpulan besar, berikut adalah beberapa perkara yang harus diberi perhatian:

- Anda memerlukan pemimpin yang dilengkapi dan pemimpin bersama untuk setiap kumpulan kecil. Tiada sesiapa pun yang memimpin bersendirian.
- Adalah penting untuk memastikan setiap kumpulan kecil itu intergenerasi.

Dalam perjumpaan kumpulan besar, semua orang ada bersama semasa Soalan Pengenalan dan Cerita Alkitab. Tidak semua orang akan mempunyai masa untuk menjawab apabila anda bertanya Soalan Pengenalan. Ambil beberapa jawapan dan masukkan ke dalam Cerita Alkitab. Selepas Cerita Alkitab, beralih kepada kumpulan kecil, di mana ketua kumpulan akan:


- Ulangi Soalan Pengenalan, beri peluang kepada semua orang untuk menjawab.
- Buat rumusan secara ringkas bagi Cerita Alkitab, gabungkan jawapan kumpulan mereka kepada Soalan Pengenalan.
- Teruskan memimpin kumpulan kecil mereka melalui Doa Kedengaran & Mencatat dan Berkongsi & Berdoa.

Ahad Palma : Berbeza Daripada Jangkaan



Soalan Pengenalan

Beritahu kami tentang satu ketika apabila sesuatu berlaku secara berbeza daripada jangkauan anda.



Cerita Alkitab

Kita semua mempunyai pengalaman yang berbeza daripada apa yang kita jangkakan. (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – contohnya,) *Sam dijangka gagal dalam peperiksaan, tetapi dia lulus! Sarah menjangkakan bahawa dia tidak akan menyukai rasa kiwi, tetapi dia menyukainya.*

Lebih 2000 tahun yang lalu, orang Yahudi menjangkakan Mesias (yang diurapi) akan datang dan menyelamatkan mereka. Mereka menyangka Dia adalah raja duniawi; mereka berharap bahawa Dia akan datang, mendirikan kerajaan-Nya, dan menggulingkan orang-orang Rom yang memerintah mereka. Tetapi apabila Yesus Mesias datang, Dia berbeza daripada apa yang mereka jangkakan.

Terus ceritakan kisah dari **Matius 21:1-11 dan Lukas 19:28-44:**

- Yesus memasuki Yerusalem dengan menunggang keldai. Mengapa itu luar biasa? Raja-raja yang menakluki akan menunggang kuda yang perkasa, tetapi seekor keldai melambangkan kerendahan hati dan damai sejahtera. Ini menggenapi nubuat dalam **Zakharia 9:9**, yang berbunyi, "Bergembiralah, wahai puteri Sion! Bersoraklah, wahai puteri Yerusalem! Lihat, rajamu datang kepadamu! Dia adil, pembawa kemenangan, Dia rendah hati, dan menunggang seekor keldai, seekor keldai muda."
- Orang ramai menunjukkan keterujaan mereka dengan menghamparkan ranting-ranting pokok dan jubah di jalan di hadapan Yesus. Mereka berseru, "Hosana (selamatkan kami)!" dan "Diberkatilah Dia yang datang dengan nama Tuhan." Mereka memuji Tuhan atas mukjizat yang telah mereka lihat.
- Antara orang ramai itu ada beberapa orang Farisi yang berkata kepada Yesus, "Guru, tegurlah murid-murid-Mu." Yesus menjawab, "Aku berkata kepadamu bahawa jika mereka diam, batu-batu pula akan bersorak." (Lukas 19:40).
- Ketika Yesus menghampiri Yerusalem dan melihat kota itu, Dia pun menangisnya, lalu berkata, "Kalaulah kiranya pada hari ini engkau mengetahui perkara-perkara yang dapat membawa sejahtera kepadamu! – tetapi... kamu tidak tahu masanya Allah datang kepada kamu." (Lukas 19:42-44).



Doa Kedengaran & Mencatat

Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : *Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang diri-Nya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.*



Berkongsi & Berdoa

Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Zakharia 9:9


“Bergembiralah, wahai puteri Sion! Bersoraklah, wahai puteri Yerusalem! Lihat, rajamu datang kepadamu! Dia adil, pembawa kemenangan, Dia rendah hati, dan menunggang seekor keldai, seekor keldai muda.”

Isnin : Yesus di Bait Suci



Soalan Pengenalan

Beritahu kami tentang sesuatu yang anda lihat yang tidak kena pada tempatnya.



Cerita Alkitab

Dalam kisah kita semalam, kita membaca bahawa Yesus menunggang keldai ke Yerusalem. Orang ramai menyeru "Hosana," menghamparkan ranting-ranting pokok dan jubah mereka di atas jalan. Hari ini, kita akan meneruskan kisah dalam Matius 21:12-17. Tempat pertama yang Yesus pergi selepas memasuki Yerusalem ialah Bait Suci, iaitu tempat orang Yahudi menyembah Tuhan. Dia melihat beberapa perkara yang berlaku di sana yang tidak kena pada tempatnya - seperti (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan - contohnya,) apabila Jacob melihat mainannya di atas lantai dan apabila Maggie menemui ular di rumahnya. Di Bait Suci, Yesus melihat pengurup wang dan orang ramai membeli dan menjual burung merpati dan haiwan lain.

Terus ceritakan kisah dari **Matius 21:12-17**, termasuk perkara utama seperti:

- Yesus mengusir semua orang yang berjual beli di dalam Bait Suci. Dia berkata kepada mereka, "Telah tersurat, 'Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa, tetapi kamu telah menjadikannya sarang pencuri'" (Mat. 21:13). Yesus memetik dari **Yesaya 56:7**, yang mengatakan, "...rumah-Ku akan disebut rumah doa bagi segala bangsa," dan **Yeremia 7:11**, yang mengatakan, "Adakah bait yang disebut dengan nama-Ku ini sudah kamu anggap sebagai sarang penyamun? Sesungguhnya, Aku sendiri melihatnya, demikianlah firman TUHAN."
- Selepas Yesus mengusir pengurup wang, orang yang buta dan yang tempang datang kepada Yesus di Bait Suci, lalu Dia menyembuhkan mereka.
- Tetapi apabila ketua imam dan ahli Taurat (para pemimpin agama) melihat segala mukjizat yang dilakukan-Nya, dan kanak-kanak berseru di dalam Bait Suci, "Hosana (selamatkan kami!) bagi Anak Daud!" mereka berasa marah. Mereka berkata kepada Yesus, "Kamu dengarkah apa yang dikatakan mereka?" Yesus menjawab, "Ya, belum pernah kamu baca, 'Daripada mulut kanak-kanak dan bayi yang masih menyusu, Engkau telah menyediakan pujian-pujian.'" Yesus memetik dari **Mazmur 8:2**, yang mengatakan "Daripada mulut kanak-kanak dan bayi yang masih menyusu, Engkau telah membina kekuatan untuk menentang musuh-Mu, supaya Engkau dapat menewaskan seteru dan penuntut bela."



Doa Kedengaran & Mencatat

Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang diri-Nya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.



Berkongsi & Berdoa

Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Yesaya 56:7


“...rumah-Ku akan disebut rumah doa bagi segala bangsa.”

Selasa : Yesus Mengajar Banyak Ibarat



Soalan Pengenalan

Apakah perkara baik yang anda telah lakukan dan terlupa sehingga seseorang mengingatkan anda?



Cerita Alkitab

Semalam, kita membaca bahawa Yesus membersihkan Bait Suci dan menyembuhkan orang tempang dan buta. Kisah ini diteruskan dalam Matius 21:23-25:46, di mana Yesus mula mengajar banyak ibarat. Salah satunya adalah tentang apa yang akan berlaku apabila Anak Manusia (Mesias – Yesus) datang dengan semua malaikat-Nya. Semua bangsa akan berhimpun di hadapan-Nya, dan dia akan mengasing-asingkan mereka sebagaimana gembala mengasing-asingkan domba daripada kambing. Dia akan meletakkan domba di sebelah kanan-Nya dan kambing di sebelah kiri-Nya. Raja akan membalas domba-domba itu dengan hidup yang kekal, dengan berkata, "Aku lapar dan kamu memberi-Ku makanan; Aku dahaga dan kamu memberi-Ku minuman; Aku orang asing dan kamu menerima-Ku masuk ke rumahmu." (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – contohnya,) sama seperti Michael terlupa bahawa dia telah menghantar kad ucapan terima kasih kepada bapa saudaranya, dan Katelyn terlupa bahawa dia telah membela rakannya di tempat kerja, domba-domba itu tidak akan ingat bila mereka melakukan perkara-perkara ini untuk Yesus. Tetapi Yesus akan berkata, "Apabila kamu melakukannya kepada yang paling kecil antara saudara-Ku ini, ertinya kamu melakukannya kepada-Ku." (ayat 25:40).

Terus ceritakan kisah dari **Matius 25:31-46** dan **22:34-40**, termasuk perkara utama seperti:

- Kemudian Raja akan menghalau kambing-kambing itu ke dalam api kekal dan hukuman, sambil berkata, "Aku lapar dan kamu tidak memberi-Ku makanan; Aku dahaga dan kamu tidak memberi-Ku minuman. Aku orang asing dan kamu tidak menerima-Ku masuk ke rumahmu..." Kambing-kambing itu akan berkata, "Bilakah kami melihat-Mu dalam kesusahan dan tidak menolong-Mu?" Dan Raja akan menjawab, "Apabila kamu tidak melakukannya kepada yang paling kecil antara saudara-Ku ini, ertinya kamu tidak melakukannya kepada-Ku." (ayat 25:45).
- Pada masa yang lain, seorang ahli Taurat bertanya kepada Yesus, "Perintah manakah yang terutama dalam Taurat?" Yesus menjawab, "'Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu, dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu.' Ini adalah perintah yang terutama dan terpenting. Perintah kedua sama pentingnya: 'Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.'" (ayat 22:37-39).



Doa Kedengaran & Mencatat

Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang diri-Nya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.



Berkongsi & Berdoa

Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Matius 22:37, 39


“...‘Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan sepenuh hatimu dan dengan sepenuh jiwamu dan dengan sepenuh fikiranmu’...[Dan] ‘Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.’”

Rabu : Yesus Meramalkan Kematian-Nya



Soalan Pengenalan

Beritahu kami tentang satu ketika apabila anda tahu sesuatu akan berlaku.



Cerita Alkitab

Semalam kita membaca tentang Yesus mengajar kepentingan mengasihi Tuhan dan orang lain melalui ibarat Domba dan Kambing. Hari ini kita akan meneruskan kisah dalam Matius 26:1-16, apabila Yesus memberitahu murid-murid-Nya beberapa perkara yang akan berlaku kepada-Nya. (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – contohnya,) sama seperti Cassie tahu keluarganya akan berpindah, dan Jose tahu akan ada ribut, Yesus tahu bahawa Dia akan disalib semasa Perayaan Paskah (perayaan orang Yahudi untuk mengingati bagaimana Tuhan telah menyelamatkan mereka daripada perhambaan di Mesir).

Terus ceritakan kisah dari **Matius 16:21-23** dan **26:1-16**, termasuk perkara utama seperti:

- Sejak itu, Yesus mula berkata terus terang kepada murid-murid-Nya bahawa Dia “harus pergi ke Yerusalem dan menanggung banyak penderitaan daripada para pemimpin agama. Dia akan dibunuh, tetapi pada hari ketiga akan dibangkitkan semula” (ayat 16:21). Dalam catatan Yohanes, Yesus berkata Dia memberitahu mereka perkara ini kerana Dia telah memanggil mereka sahabat-sahabat-Nya (**Yohanes 15:15b**).
- Petrus menjawab, “Tuhan, semoga Allah jauhi semua itu daripada-Mu! Semua itu tidak boleh berlaku kepada-Mu!” Tetapi Yesus memberitahu Petrus, “Engkau batu sandungan bagi-Ku kerana kamu tidak berfikir secara Allah tetapi secara manusia” (ayat 16:23). Kemudian Yesus berkata, “Jika seseorang hendak mengikut-Ku, dia harus menyangkal dirinya, memikul salib dan mengikut-Ku” (ayat 16:24).
- Para pemimpin agama mula berpakat untuk memerangkap Yesus secara tipu daya dan membunuh-Nya (Mat. 26:3-4).
- Semasa Yesus dan murid-murid-Nya berada di Betania, seorang wanita menuangkan minyak wangi yang mahal ke atas kepala Yesus. Murid-murid berpendapat bahawa perbuatan wanita itu adalah satu pembaziran. Minyak wangi itu boleh dijual dengan harga yang tinggi dan wangnya dapat disedekahkan kepada orang miskin. Tetapi Yesus berkata, “Dia telah melakukan sesuatu yang baik untuk-Ku...Dengan menuangkan minyak wangi ini ke atas tubuh-Ku, dia membuat persiapan untuk pengebumian-Ku” (ayat 26:10-12).
- Selepas itu, salah seorang murid Yesus, Yudas Iskariot, secara rahsia membuat perjanjian dengan ketua imam untuk mengkhianati Yesus dengan bayaran tiga puluh keping wang perak. Sejak itu Yudas pun mencari peluang untuk menyerahkan Yesus kepada ketua imam.

Doa Kedengaran & Mencatat



Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang diri-Nya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.

Berkongsi & Berdoa



Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Matius 16:24


“Kemudian Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, ‘Jika seseorang hendak mengikut-Ku, dia harus menyangkal dirinya, memikul salib dan mengikut-Ku.’”

Khamis : Yesus Dikhianati



Soalan Pengenalan

Beritahu kami tentang satu ketika apabila seorang rakan mengecewakan anda.



Cerita Alkitab

Semalam kita membaca tentang Yesus menubuatkan kematian-Nya. Hari ini kita akan meneruskan kisah dalam Matius 26:17-75, di mana Yesus dikhianati dan ditangkap. (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – contohnya,) seperti rakan Joe mengecewakannya dengan bermain bersama orang lain, dan rakan Megan mengecewakannya dengan bergosip tentangnya, kebanyakan kawan Yesus meninggalkan-Nya apabila Dia ditangkap dan dibicarakan.

Terus ceritakan kisah dari **Matius 26:17-75**, termasuk perkara utama seperti:

- Para murid menyediakan jamuan Perayaan Paskah tradisional. Semasa mereka sedang makan, Yesus berkata, “Seorang daripadamu akan mengkhianati-Ku” (ayat 21). Mereka semua, termasuk Yudas, berkata, "Tuhan, tentunya aku bukan orang itu?" Dan Yesus berkata kepada Yudas, “Kamu telah mengatakannya” (ayat 25).
- Kemudian “...Yesus mengambil roti, mengucap syukur lalu memecah-mecahkan dan memberikannya kepada murid-murid-Nya sambil berkata, ‘Ambil dan makanlah, ini tubuh-Ku.’ Kemudian Dia mengambil cawan air anggur dan mengucap syukur lalu memberikannya kepada mereka sambil berkata, ‘Minumlah dari cawan ini, kamu semua. Inilah darah perjanjian yang ditumpahkan bagi ramai orang untuk pengampunan dosa’” (ayat 26-28).
- Yesus memberitahu murid-murid-Nya bahawa mereka semua akan goyah. Petrus menegaskan bahawa walaupun dia harus mati, dia tidak akan menyangkal Yesus. Dan murid-murid yang lain berkata sama. Yesus berkata kepada Petrus, "Pada malam ini juga, sebelum ayam berkokok, engkau akan menyangkal-Ku tiga kali."
- Di Taman Getsemani, Yesus dipenuhi dengan kesedihan. Dia berdoa, “Ya Bapa-Ku, kalaulah dapat, edarkanlah cawan ini daripada-Ku; namun, bukanlah seperti yang Kukehendaki, melainkan seperti yang Kaukehendaki” (ayat 39). Dia meminta murid-murid-Nya untuk berjaga bersama-Nya, tetapi mereka tertidur dua kali semasa Dia berdoa.
- Yudas tiba dengan orang ramai yang bersenjata dan mencium Yesus untuk menandakan bahawa Yesus adalah lelaki yang mereka cari. Kemudian semua murid Yesus meninggalkan-Nya, masing-masing melarikan diri.
- Para imam, tua-tua, dan ahli Taurat meletakkan Yesus dalam perbicaraan. Sementara itu Petrus duduk di luar, di halaman. Dia ditanya tiga kali sama ada dia bersama Yesus. Dia menyangkal Yesus setiap kali, dan kemudian ayam berkokok. Petrus teringat akan apa yang Yesus katakan, dan dia menangis dengan amat kesalnya.



Doa Kedengaran & Mencatat

Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang diri-Nya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.



Berkongsi & Berdoa

Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Matius 26:28


“Inilah darah perjanjian yang ditumpahkan bagi ramai orang untuk pengampunan dosa.”

Jumaat Agung : Yesus Mati untuk Kita



Soalan Pengenalan

Beritahu kami tentang satu ketika anda dipersalahkan atau dihukum kerana sesuatu yang anda tidak lakukan.



Cerita Alkitab

Semalam kita membaca bahawa Yesus telah ditangkap, dan semua murid-Nya meninggalkan-Nya. Hari ini kisah itu diteruskan dalam Matius 27:11-54, apabila Yesus dibawa ke hadapan Pilatus, gabenor Rom. (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – contohnya,) sama seperti Paula dituduh menipu, dan Chris dipersalahkan kerana membuat kakaknya menangis, Yesus dituduh secara palsu oleh para pemimpin agama.

Terus ceritakan kisah dari **Matius 27:11-54**, termasuk perkara utama seperti:

- Pilatus amat hairan kerana Yesus tidak berkata apa-apa untuk mempertahankan diri-Nya (menggenapi Yesaya 53:7).
- Ketua-ketua imam dan tua-tua dapat meyakinkan orang ramai untuk meminta Yesus disalibkan. Pilatus bertanya, "Mengapa, apakah kejahatan yang telah dilakukan-Nya?" Tetapi mereka berseru semakin kuat, "Salibkan Dia!" Pilatus menyerahkan Yesus untuk disalib dan sebaliknya membebaskan seorang banduan yang terkenal jahatnya, Barabas.
- Askar-askar Rom mengejek Yesus, menyarungkan jubah ungu ke tubuh-Nya dan meletakkan mahkota duri di atas kepala-Nya, sambil berkata, "Salam, Raja orang Yahudi!" Kemudian mereka menyalibkan Yesus di antara dua orang perompak.
- Yesus berkata, "Ya Bapa, ampunilah mereka kerana mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka" (**Lukas 23:34**). Mereka membahagikan pakaian-Nya dengan membuang undi. Di atas kayu salib dipaparkan tuduhan terhadap-Nya: "Inilah Yesus Raja orang Yahudi."
- **Yesaya 53:5** berkata, "Dia terluka oleh sebab segala pelanggaran kita, dia dihancurkan oleh sebab segala kesalahan kita. Pengajaran yang mendatangkan kesejahteraan bagi kita ditimpakan kepadanya dan oleh bilur-bilurnya kita sembuh."
- Ketua-ketua imam, tua-tua, ahli Taurat, dan orang-orang yang lalu lalang mengejek Yesus, berkata, "Kalau Engkau Anak Allah, turunlah dari salib itu." Selama tiga jam, seluruh negeri itu diselubungi kegelapan. Kemudian Yesus berseru dengan suara yang lantang, "Ya Allah-Ku, ya Allah-Ku, mengapa Engkau meninggalkan aku?", memetik dari **Mazmur 22**.
- Yesus berkata, "Sudah selesai!" (**Yohanes 19:30**) "lalu menyerahkan roh-Nya." Tirai Bait Suci terbelah dari atas ke bawah, bumi digegar gempar dan batu-batu pejal terpecah, kubur-kubur terbuka.
- Apabila ketua tentera dan mereka yang bersama-sama dengan dia melihat semua yang berlaku, mereka pun ketakutan lalu berkata, "Benarlah Dia Anak Allah!" (ayat 54).



Doa Kedengaran & Mencatat

Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang diri-Nya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.



Berkongsi & Berdoa

Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Yesaya 53:5


“Tetapi dia terluka oleh sebab segala pelanggaran kita, dia dihancurkan oleh sebab segala kesalahan kita. Pengajaran yang mendatangkan kesejahteraan bagi kita ditimpakan kepadanya dan oleh bilur-bilurnya kita sembuh.”

Sabtu: Yesus Dimakamkan



Soalan Pengenalan

Apakah cara anda boleh menunjukkan kasih sayang kepada seseorang?



Cerita Alkitab

Semasa Yesus disalibkan, ramai wanita melihat dari jauh, termasuk Maria Magdalena dan Maria ibu kepada Yakobus dan Yusuf, yang “telah mengikut Yesus dari Galilea untuk melayani-Nya” (Matius 27:55). Hari ini kita akan meneruskan kisah dalam Matius 27:55-66 dan Lukas 23:55-56, apabila tiga orang pengikut Yesus terus menunjukkan kasih kepada-Nya selepas yang lain pergi.

(Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – contohnya,) sama seperti Hannah menunjukkan kasih sayang kepada ibunya dengan memberinya hadiah, dan Tim menunjukkan kasih sayang kepada rakannya dengan melawatnya di hospital, seorang lelaki kaya bernama Yusuf menunjukkan kasihnya kepada Yesus dengan menyediakan pengebumian Yesus.

Terus ceritakan kisah dari **Matius 27:55-66**, termasuk perkara utama seperti:

- Yusuf pergi menghadap Pilatus dan memohon jenazah Yesus. Pilatus pun memerintahkan orang menyerahkan jenazah itu kepadanya. Yusuf mengambil jenazah itu dan mengafankannya dengan kain linen yang bersih. Dia membaringkan jenazah itu di dalam sebuah makam miliknya yang baru digalinya daripada batu pejal (menggenapi Yesaya 53:9). Kemudian dia menggulingkan sebuah batu besar menutup pintu makam itu.
- “Perempuan-perempuan yang telah mengikut Yesus dari Galilea pergi bersama Yusuf untuk melihat makam itu...Kemudian, mereka pulang lalu menyediakan rempah-rempah yang harum dan minyak wangi-wangian...” (**Lukas 23:55-56**).
- Ketua imam dan orang Farisi teringat bahawa Yesus, yang mereka panggil “penipu,” telah berkata Dia akan bangkit selepas tiga hari.
- Mereka meminta Pilatus untuk memberi perintah agar memastikan makam-Nya tidak dapat dibuka hingga tamat hari ketiga. Mereka takut kalau-kalau murid-murid-Nya datang pada waktu malam untuk mencuri dan membawa pergi mayat-Nya, lalu berkata kepada orang ramai, ‘Dia telah bangkit daripada kematian.’ Mereka berkata, “Penipuan ini pasti lebih dahsyat daripada penipuan pertama” (Mat. 27:64). Pilatus bersetuju dan menyuruh mereka berbuat apa yang mereka fikirkan perlu untuk menjaga makam itu. Mereka memperkukuh makam itu dengan mematerainya supaya tidak dapat dibuka langsung, dan menugaskan pengawal berjaga di situ.



Doa Kedengaran & Mencatat

Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang diri-Nya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.



Berkongsi & Berdoa

Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Lukas 23:55-56

“Perempuan-perempuan yang telah mengikut Yesus dari Galilea pergi bersama Yusuf untuk melihat makam itu... Kemudian, mereka pulang lalu menyediakan rempah-rempah yang harum dan minyak wangi-wangian...”

Hari Paskah : Yesus Hidup



Soalan Pengenalan

Beritahu kami tentang satu ketika apabila anda mempunyai berita baik untuk dikongsi.



Cerita Alkitab

Semalam kita bercakap tentang bagaimana pengikut Yesus menjaga jenazah-Nya dan memastikan makam-Nya tidak dapat dibuka. Kisah ini diteruskan dalam **Matius 28:1-20**, apabila Maria Magdalena dan Maria yang seorang lagi membawa rempah-rempah (**Lukas 24:1**) ke makam pada hari selepas Sabat. Ketika mereka tiba, terjadilah gempa bumi yang hebat dan seorang malaikat Tuhan turun dari syurga lalu menggulingkan batu yang menutup makam itu dan duduk di atasnya. Para pengawal menggeletar ketakutan apabila melihatnya, lalu menjadi seperti orang mati.

Malaikat itu berkata kepada perempuan-perempuan itu, “Jangan takut, aku tahu kamu mencari Yesus...Dia tidak ada di sini, kerana Dia telah bangkit semula, seperti yang dikatakan-Nya. Marilah lihat tempat Dia dibaringkan dahulu. Kemudian, segeralah pergi dan katakan kepada murid-murid-Nya [untuk berjumpa dengan Dia di Galilea]” (**Mat. 28:5-7**). (Gabungkan jawapan keluarga atau kumpulan anda dengan Soalan Pengenalan – contohnya,) sama seperti Marcus memberitahu berita baik bahawa anjingnya bertambah baik, dan Samantha memberitahu rakannya bahawa dia dinaikkan pangkat, perempuan-perempuan itu bergegas pergi, takut tetapi amat gembira, untuk memberitahu murid-murid bahawa Yesus masih hidup.

Terus ceritakan kisah dari **Matius 28:1-20**, termasuk perkara utama seperti:

- Dalam perjalanan, tiba-tiba Yesus menemui perempuan-perempuan itu sambil berkata, “Salam sejahtera!” Lalu mereka pun mendekati Yesus dan memegang kaki-Nya serta menyembah-Nya. Kemudian Yesus berkata kepada mereka, “Jangan takut. Pergilah dan suruh saudara-saudara-Ku ke Galilea. Di sana mereka akan melihat-Ku.”
- Sementara perempuan itu sedang dalam perjalanan, beberapa orang pengawal tersebut masuk ke kota dan melaporkan kepada ketua-ketua imam apa yang telah terjadi. Setelah bermesyuarat dengan tua-tua, mereka memberikan sejumlah wang yang besar kepada askar-askar yang berkawal itu serta berpesan, “Beritahu orang, ‘Para murid-Nya datang pada waktu malam dan mencuri mayat-Nya lalu dibawa pergi sewaktu kami sedang tidur.’ Kalau hal ini sampai ke telinga gabenor, kami akan melembutkan hatinya dan kamu tidak akan diapa-apakan.” Mereka menerima wang itu dan melakukan apa yang diarahkan. Cerita ini biasa disebar dalam kalangan orang Yahudi hingga sekarang.
- Kemudian, murid Yesus yang sebelas itu pergi ke Galilea. Di sana mereka melihat-Nya lalu menyembah-Nya. Namun demikian, ada antara mereka yang ragu. Yesus berkata kepada mereka, “Oleh itu pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku. Baptislah mereka dengan nama Bapa, Anak dan Roh Kudus. Ajarlah mereka supaya taat akan segala perkara yang telah Kuperintahkan kepadamu. Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman” (ayat 19-20). Ini adalah Amanah Agung, satu perintah yang masih terpakai kepada kita hari ini.



Doa Kedengaran & Mencatat

Jemput keluarga anda untuk meluangkan beberapa minit untuk Doa Kedengaran dan Mencatat : Semasa kita mendengar firman Tuhan dari Alkitab, Tuhan telah berbicara dengan kita melaluinya. Apakah yang Tuhan beritahu anda tentang diri-Nya, diri anda, orang lain, dan apa yang harus anda lakukan? Anda boleh berbicara dengan Tuhan tentang apa sahaja.



Berkongsi & Berdoa

Apabila semua orang sudah selesai mencatat, berikan setiap orang peluang untuk berkongsi apa yang Tuhan telah bicarakan kepada mereka. Selepas seorang berkongsi, doakan untuknya.

AYAT KUNCI: Matius 28:19-20

“Pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku ... Aku akan sentiasa bersamamu, hingga ke akhir zaman.”



Maklumat Hubungan:



Pebbles and Stones

info@PebblesandStones.com

www.PebblesandStones.com

Lausanne Children and Family Network

cnfnetwork@lausanne.org

<https://lausanne.org/network/children-and-family>

Malay Version by

Jonathan & Lan Siang Yeoh

Steffi Ann Tabari

jonathanyeahmy@gmail.com

www.komuniti-digital.com